

Peraturan halal diperkemas

» **JHEAINS, UMS jalin kerjasama R&D kongsi kepakaran bangun industri makanan halal**

Oleh **Mohd Izham Unnip Abdullah**
thaddius@bh.com.my

▀ **Kota Kinabalu**



Mohd Ariffin (tiga dari kiri, barisan belakang) menyaksikan **majlis menandatangani MoU** antara Mohd Harun (dua dari kiri) dengan Abdul Halim (dua dari kanan) di Kota Kinabalu, semalam.

Makmal Analisis Produk Halal akan diwujudkan bagi meningkatkan keberkesanan pemantauan peraturan halal yang dilaksanakan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) di negeri ini.

Pembantu Menteri di Jabatan Ketua Menteri, Datuk Mohd Ariffin Arif, berkata ia sebahagian usaha pemantapan sistem pengurusan dan penguatkuasaan halal yang mahu dicapai menerusi kerjasama JHEAINS dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Melicinkan sistem pengurusan halal

Katanya, kerjasama penyelidikan dan pembangunan (R&D) itu membolehkan kedua-dua pihak berkongsi kepakaran dan pengetahuan berkaitan pelaksanaan peraturan halal untuk mengatasi masalah umat Islam.

“Kerjasama ini dapat menggalakkan kegiatan R&D di UMS, termasuk menghasilkan inovasi yang dapat melicinkan sistem pengurusan halal.

“Di pihak JHEAINS, ia membolehkan kita merancang keperluan sumber manusia dan

“**Kerjasama ini dapat menggalakkan kegiatan R&D di UMS, termasuk menghasilkan inovasi yang dapat melicinkan sistem pengurusan halal**”

Mohd Ariffin Arif,
Pembantu Menteri
di Jabatan Ketua Menteri

infrastruktur yang relevan dalam pelaksanaan pengurusan, pemantauan dan penguatkuasaan halal di negeri ini,” katanya pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara JHEAINS dan UMS di sini, semalam.

MoU berkaitan pembangunan industri makanan halal Sabah itu ditandatangani Naib Canselor UMS, Prof Datuk Mohd Harun Abdullah dan Pengarah JHEAINS, Abdul Halim Nayan.

Mohd Ariffin berkata, hasil MoU itu mampu mempengaruhi pembangunan hab halal selain mengembangkan potensi sektor pelancongan makanan, premis dan industri halal di negeri ini.

Beliau berkata, MoU itu turut memberi kesan yang baik dari segi perkongsian kepakaran khususnya kepada juru-

audit halal dan pegawai pemantauan JHEAINS dalam menguatkuasakan peraturan halal.

4 bidang tumpuan

Sementara itu, Mohd Harun berkata, empat bidang kerjasama ditumpukan menerusi MoU berkenaan termasuk penyelidikan dalam aspek penyelenggaraan, penghasilan, pengeluaran dan semua aktiviti berkaitan makanan halal.

Turut diberi tumpuan ialah latihan dalam memperkasakan kepakaran dan kecekapan sumber manusia dalam hal pengeluaran makanan halal, selain pembangunan polisi dan pelaksanaan kursus yang berkaitan dengan pengeluaran makanan halal serta kajian terhadap amalan, pelaksanaan dan penguatkuasaan sistem pensijilan halal di negeri ini.